

Headline	Last Minute bikin album		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	489 cm ²
Journalist	JULIA ISMAIL	AdValue	MYR 4,252
Frequency	Daily	PR Value	MYR 12,755



Penangan drama bersiri *Setia Hujung Nyawa*

Last Minute bikin album

JULIA ISMAIL

BERMULA dengan hanya minat dan ingin memenuhi masa lapang, empat sekawan mula menjinakkan diri bermain muzik bersama dan menubuhkan sebuah band yang dikenali sebagai Last Minute.

Empat anak muda yang menganggotai Last Minute iaitu Muhammad Bukhari Mohd. Anuar Musardar atau Bukhari, 20, Azim Alimin (Azim), 19, Nik Muhammad Hazim Nik Muhammad (Hazim), 20, dan Wan Muhammad Aiman Wan Mohd. (Aiman), 19, mengakui mereka pada awalnya tidak pernah merancang untuk serius dalam bidang nyanyian.

"Semuanya gara-gara klip video lagu *Maafkan Aku* yang kami muat naik ke dalam laman YouTube mendapat perhatian daripada Suhan Production yang mengambil lagu tersebut menjadi runut bunyi drama terbitannya, *Setia Hujung Nyawa*. Drama itu meraih tontonan 3.5 juta penonton ketika disiarkan di TV3 baru-baru ini.

"Apabila lagu *Maafkan Aku* berkumandang di TV, kami secara tidak langsung mendapat sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan untuk serius dengan band kami ini," ujar vokalis Last Minute, Azim.

Keempat-empat mereka yang sebelum ini menuntut di Kolej Sultan Ismail, Kota Bharu dan sering bermain muzik bersama sebagai aktiviti selepas sekolah mengakui Last Minute kini sedang berusaha menerbitkan album sulung mereka.

Menurut pemain gitar utama Last Minute, Bukhari yang juga berbakat sebagai komposer, setakat ini Last Minute sudah mempunyai lima buah lagu.

"Selain *Maafkan Aku*, empat lagu

lain ialah *Kau Satu*, *The Nite Before She Dies*, *What Ever May Happened* dan *Terima Kasih*.

"Kami sedang dalam proses pembikinan album kami yang akan memuatkan kelima-lima buah lagu tersebut dan bakal mempromosikan lagu-lagu sedia ada sementara kami semua menyambung pelajaran di dalam bidang masing-masing."

Tambahnya: "Memandangkan keempat-empat kami sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang masing-masing, maka kami mengambil peluang cuti semester untuk menggerakkan band kami.

"Harapan kami selepas kami tamat pengajian, band kami sudah berada setaraf dengan band seperti Hujan dan juga Bunkface," katanya lagi.

Bukhari akan melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India manakala Azim sedang menuntut di Universiti Teknologi Mara Sri Iskandar dalam bidang Kejuruteraan.

Pemain bass Last Minute, Hazim pula sedang menuntut di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) juga dalam bidang kejuruteraan, manakala Aiman yang bermain dram merupakan penuntut dalam bidang perigian di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Ketika ditemu bual, keempat-empat mereka sedang bercuti semester dan pulang ke kampung halaman di Kota Bharu.

Mereka mengambil peluang ini untuk sama-sama mempromosikan lagu-lagu sedia ada dan berlatih di sebuah studio Last Minute yang terletak di kediaman Bukhari di Kota Bharu.

Menurut Azim, sepanjang ketiadaan rakan-rakannya kelak yang akan kembali melanjutkan pelajaran ke luar negara, sekiranya terdapat undangan, dia akan meneruskan persembahan secara akustik bersama Hazim.

Headline	Last Minute bikin album		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	489 cm ²
Journalist	JULIA ISMAIL	AdValue	MYR 4,252
Frequency	Daily	PR Value	MYR 12,755



BAND Last Minute dianggotai (dari kiri), Hazim, Aiman, Azim dan Bukhari.



LAST MINUTE kini sudah bersedia untuk mengorak langkah untuk aktif dalam dunia muzik tempatan.